



**1. PEGAWAI PENGUATKUASA  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN  
C.2-3 EB.4 (\$1,450 - \$2,620 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = 2**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Sedang berkhidmat di Jabatan Pengangkutan Darat dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji D.4/D.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai pengetahuan mengenai undang-undang dan peraturan lalu lintas jalan raya.
3. Mempunyai lesen memandu Kelas 1, 3 dan 5 yang sah.
4. Boleh memahami, menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGUATKUASA:**

1. Menjalankan penguatkuasaan Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya.
2. Melakukan pemeriksaan bagi mengenalpasti pemandu-pemandu dan kenderaan yang disyaki telah melanggar Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan Jalan Raya dan juga menyalahgunakan permit-permit yang telah diberikan kepada syarikat-syarikat, pertubuhan-pertubuhan, persatuan-persatuan atau orang-orang perseorangan.
3. Membuat rondaan ke atas kesalahan-kesalahan disegi Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam yang berhubung dengan tidak mematuhi peraturan-peraturan pembinaan, kelengkapan dan kegunaan atau kerana kerosakan-kerosakan mekanikal yang serius yang dipercayai boleh membahayakan pengguna jalan raya yang lain.